

08 MAY 1997

Mahathir-Afrika

MAHATHIR AKHIRI LAWATAN YANG BERJAYA KE SELATAN AFRIKA

Oleh: E.Sivabalan

CAPE TOWN, 8 Mei (Bernama) -- Usaha Malaysia untuk "mencari kawan baru di Afrika" sebagaimana yang dinyatakan sendiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir telah membuahkan hasil apabila beliau mengakhiri lawatannya ke tiga negara di selatan benua itu semalam.

Lawatan beliau selama seminggu itu bukan sahaja meninggalkan bekas dari segi pelaburan Malaysia yang berkemungkinan berjumlah berjuta-juta malahan berbilion ringgit tetapi juga akan menunjukkan kesan dari segi yang lain dari perniagaan.

Ia juga telah membolehkan Malaysia memenuhi keperluan-keperluan ketiga-tiga negara untuk untuk pembangunan masing-masing dan inilah matlamat utama, mungkin juga matlamat tunggal lawatan Dr Mahathir itu.

Yang jelasnya, lawatan Perdana Menteri ke Republik Malawi, Botswana dan Afrika Selatan itu telah menjadi "kejauhan" antara Malaysia dengan negara-negara itu lebih dekat.

Lawatan itu juga telah meningkatkan kesefahaman mengenai potensi dan sumber masing-masing yang akan membuka jalan kepada lebih banyak peluang-peluang perniagaan antara sektor swasta mereka.

Dr Mahathir yang membawa bersamanya satu delegasi perniagaan peringkat tinggi yang diketuai oleh pengerusi Kumpulan Arab-Malaysia Tan Sri Azman Hashim, telah merentasi beratus, dan ada kalanya beribu kilometer dari satu negeri ke negeri yang lain untuk menarik minat peniaga-peniaga tempatan mengadakan perkongsian dengan para pelabur Malaysia.

Di Malawi, kehadiran Dr Mahathir pada satu forum perniagaan telah berjaya mengasaskan satu era baru bagi kerjasama perniagaan antara Malaysia dengan peniaga-peniaga Malawi dengan termeteranya perjanjian membina lebuh raya dan meningkatkan taraf jalan-jalan yang ada.

G-Two Holdings Berhad, iaitu syarikat Malaysia yang akan bertanggungjawab dengan projek raksaksa itu, juga akan membina sebuah hotel antarabangsa berharga RM70 juta dan sebuah bandar satelit baru berharga RM3 bilion di Blantyre, ibukota Malawi.

Telekom Malaysia Berhad merupakan satu lagi syarikat utama Malaysia yang telah menapak di Malawi melalui usahasanya dengan Perbadanan Pos dan Telekom Malawi Post menubuhkan Telekom Network Limited.

Berikutan dengan lawatan Perdana Menteri itu banyak lagi syarikat-syarikat Malaysia dijangka ikut serta. YTL Corporatrion Berhad mungkin antaranya.

Pengarah urusan YTL, Datuk Francis Yeoh Sock Ping yang turut serta dalam rombongan Perdana Menteri itu memberitahu Bernama bahawa YTL akan menyertai projek perumahan di republik itu yang mempunyai jumlah penduduk hampir sebelas juta.

Dari Malawi, Dr Mahathir telah pergi Botswana di mana setibanya di sana beliau dengan segera menemui peniaga-peniaga tempatan yang telah menunggu untuk mendengar ucapan beliau.

"Benarkan saya bermula dengan menyatakan betapa gembiranya saya untuk berada di Gaborone (ibunegara Botswana) hari ini," merupakan kata-kata pembukaan Dr Mahathir kepada mereka. Dan apa yang beliau teruskan dalam ucapan itu akan tercatat menjadi sejarah.

Walaupun tidak ada sebarang perjanjian yang ditandatangani semasa lawatannya ke Botswana itu, delegasi perniagaan yang mengiringi beliau itu menggunakan kesempatan itu untuk menerokai kemungkinan mengadakan usahasama dengan rakan tempatan mereka.

Dr Mahathir juga mengambil peranan utama pada Dialog Selatan Afrika yang pertama di mana beliau memberi ucapan khas kepada 12 pemimpin Afrika di Kasane, kira-kira 1,300 km dari Gabrone.

Perdana Menteri bercakap mengenai perlunya rantau kecil selatan Afrika menubuhkan perkongsian pintar untuk menghadapi cabaran globalisasi. Beliau yang merupakan satu-satunya pemimpin bukan Afrika pada dialog itu juga diminta berkongsi pendapatnya mengenai sejarah kejayaan Malaysia.

Di Afrika Selatan Dr Mahathir sekali lagi diberi penghargaan "kerana sumbangan beliau yang luar biasa dan bernilai" kepada hubungan persahabatan dan saling menguntungkan antara republik itu dengan Malaysia.

Beliau telah disifatkan sebagai "sumber inspirasi kepada dunia membangun melalui kepimpinan beliau yang cemerlang" di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Pergerakan Berkecuali dan badan-badan dunia yang lain.

Daripada seorang budak yang menjual kueh dan teh halia di Pekan Rabu di Alor Setar, Kedah, Dr Mahathir sekarang menjual Malaysia dan para usahawannya kepada dunia. --BERNAMA

ES WAT